

# Awang Sariyan tamat tugas di DBP 31 Januari

**Kuala Lumpur:** Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Awang Sariyan akan menamatkan tugasnya pada 31 Januari ini berikutan kontraknya tamat.

Katanya, walaupun akan meninggalkan DBP akhir bulan ini, beliau berhasrat untuk terus berjuang dalam soal bahasa dan sastera, sekali gus tidak akan berdiam diri dalam isu berkenaan.

Awang yang memulakan tugas sebagai Ketua Pengarah pada 1 Januari 2012 dikenali sebagai pakar linguistik dan pernah bertugas di pelbagai universiti di negara ini seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Universiti Malaya (UM).

Beliau juga pernah menduduki Kursi Pengajian Melayu Malaysia China di Beijing Foreign Studies University (BF-SU) selama empat tahun.

Sebelum ini, jawatan Ketua Pengarah DBP disandang oleh Datuk Termuzi Aziz selama empat tahun bermula tahun 2009 yang menggantikan Datuk Dr Firdaus Abdullah.

Sementara itu, Awang berkata, Program Dwibahasa (DLP) yang diperkenalkan di sekolah



Awang Sariyan

mulai sesi pembelajaran tahun ini memerlukan kajian semula kerana melanggar suara rakyat seperti yang diperuntukkan Akta DBP 1959.

## **Garis enam peruntukan**

“Akta DBP menggariskan enam peruntukan, antaranya untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi,” katanya pada sidang media di pejabatnya di DBP di sini, semalam.

Awang berkata, DLP seperti juga pelaksanaan program sebelum ini iaitu Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilihat sebagai sebahagian simptom untuk tidak memuliakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

“Generasi terdahulu bersetuju menjadikan bahasa Melayu sebagai teras penyatuan dan bahasa negara seperti yang dilihat dalam Jawatankuasa Razak 1956. Sistem pendidikan kita seharusnya berteraskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

“Di negara luar, bahasa kebangsaan mereka menjadi bahasa utama seperti yang berlaku di Jerman dan China yang menyaksikan bahasa Mandarin menyatukan 1.3 bilion penduduknya,” katanya.